



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ZULKAFLY BIN PANDAK BEDIN MENGENAI SEJARAH HIDUP BELIAU
SEBAGAI PENGUSAHA LABU SAYONG**

NURUL YUHANIS BINTI AZMI

2015125535

NURUL IDAYU BINTI MOHD SOBRY

2015182393

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER 05 (MAC 2017 – JULAI 2017)

KANDUNGAN

Abstrak.....	I
Penghargaan.....	II
Senarai singkatan.....	III
Biodata penemubual pertama.....	I
Biodata penemubual kedua.....	2
Biodata tokoh.....	3
Pengenalan.....	4-5
●Objektif penyelidikan.....	6
Kajian literatur.....	7
Transkrip temubual.....	8-55
Log temubual.....	56
Indeks.....	57
Rujukan.....	58-67
Rumusan.....	68

ABSTRAK

ABSTRAK

Labu sayong merupakan salah satu bahan yang boleh digunakan dengan pelbagai cara. Antaranya fungsi labu sayong ialah boleh dijadikan bahan perhiasan atau bekas minuman. Seperti penduduk Negeri Perak, mereka akan menjadikan labu sayong sebagai bekas minuman kerana mereka berpendapat bahawa labu sayong dapat menjadikan air tersebut lebih berkhasiat dan sejuk jika dibandingkan dengan bekas minuman yang lain. Perusahaan labu sayong menjadi semakin popular disebabkan oleh permintaan ramai pelanggan. Zulkafly bin Pandak Bedin gemar mengusahakan labu sayong ini sejak kecil kerana perusahaan ini merupakan perusahaan turun-temurun dari keluarga beliau sendiri. Oleh itu, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan beliau telah dianugerahkan gelaran Tokoh Adiguru Kraf 2013.

KATA KUNCI

Labu sayong, pengusaha labu sayong, kraftangan, Tokoh Adiguru Kraf

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin berterima kasih kepada pensyarah kami, Dr Azree bin Ahmad di atas tunjuk ajar serta nasihat yang diberikan. Selain itu, kami ingin berterima kasih kepada pihak Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Kedah kerana telah menyediakan persekitaran dan fasiliti serta sumber yang baik dalam proses menyiapkan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM kerana menawarkan kursus Oral Documentation (IMR604). Ianya telah memberi kami peluang dan kesempatan untuk menemu bual Tokoh Adiguru Kraf 2013 ini. Tidak lupa juga kepada Encik Zulkafly bin Pandak Bedin kerana telah memberi kerjasama yang baik untuk ditemu bual dan beliau juga telah bersungguh-sungguh membantu kami dalam menyiapkan tugas sejarah lisan ini. Akhir sekali, ribuan terima kasih kami ucapkan kepada keluarga kami yang banyak membantu kami dalam proses menyiapkan tugas ini di atas sokongan yang telah diberikan. Tanpa bantuan daripada mereka yang disebut di atas, kami mungkin akan melalui pelbagai halangan semasa menyiapkan tugas ini.

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

KP	Ketua Pengarah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
RTM	Radio Televisyen Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
RM	Ringgit Malaysia
SIRIM	Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
KPI	Key Performance Indicator
KL	Kuala Lumpur

**BIODATA
PENEMUBUAL
PERTAMA**

BIODATA PENEMU BUAL PERTAMA



Nama Penuh	:	Nurul Idayu Binti Mohd Sobry
No Matrik	:	2015182793
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Hospital Yan
Asal	:	Kedah
Fakulti	:	Pengurusan Maklumat
Program	:	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perpustakaan (Semester 5)
Universiti	:	UiTM Merbok Kedah
No Telefon	:	

BIODATA PENEMUBUAL KEDUA

BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



Nama Penuh	:	Nurul Yuhani Binti Azmi
No Matrik	:	2015125535
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Hospital Besar Alor Setar
Asal	:	Kedah
Fakulti	:	Pengurusan Maklumat
Program	:	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perpustakaan (Semester 5)
Universiti	:	UiTM Merbok Kedah
No Telefon	:	

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Penuh	:	Zulkafly bin Pandak Bedin
Nama Samaran	:	Cikgu Nor
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	
Alamat	:	
No Telefon	:	
Emel	:	-
Jantina	:	Lelaki
Bangsa	:	Melayu
Profesjon	:	Seni tembikar Labu sayong
Bidang	:	Kraf Tembikar
Tahap Pendidikan	:	Darjah 6

PENGENALAN

PENGENALAN

Sejarah lisan adalah satu kaedah atau cara mengumpul, mencari, memelihara sejarah dengan menemubual dan merakam cara hidup, pengalaman serta sejarah sesuatu peristiwa yang lepas secara lisan. Ini merupakan salah satu cara atau kaedah lama yang masih diguna pakai sehingga ke hari ini. Sejarah lisan merupakan satu kaedah yang digunakan dalam proses menyelidik bahan sejarah lama, mencatat dan menulis maklumat bersejarah yang penting, ianya mula dikenalkan pada tahun 1940. Sejarah lisan merupakan satu cara atau kaedah yang moden dalam mendokumentasi bahan dan peristiwa bersejarah dengan menggunakan proses temubual dan temuramah orang atau tokoh yang terlibat secara langsung dengan peristiwa-peristiwa bersejarah dan pernah menjadi saksi dalam sesuatu peristiwa dahulu.

Sejarah lisan ini dilakukan bagi memenuhi keperluan subjek dalam Oral History (IMR 604). Dengan adanya subjek sejarah lisan ini, ia dapat merapatkan jurang antara generasi yang lama dengan baharu. Secara kebiasaanya, generasi muda akan mencari bahan-bahan bersejarah bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran. Dengan mengumpul maklumat hasil daripada sejarah lisan ini, ianya dapat guru, pensyarah, badan-badan akademik dan ilmiah bagi tujuan kajian dan penyelidikan dalam memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran mereka. Sejarah lisan juga merupakan satu kaedah yang lebih tepat dan boleh digunakan dalam proses pencarian maklumat. Hal ini disebabkan oleh pencarian bahan maklumat dalam Internet tidaklah setepat sejarah lisan kerana kita secara langsung menemubual orang yang berkaitan untuk menyebarkan maklumat.

Kita semua tahu bahawa tanpa adiguru kraf sudah semestinya kesenian kraf pada masa ini tidak dapat diwarisi oleh generasi pada masa ini. Kegemilangan kraf pada masa ini juga tidak akan sempurna tanpa sumbangan yang diberikan oleh pakar-pakar yang mahir dalam bidang ini. Selain kepakaran yang diberikan, cetusan ilmu yang diberikan oleh mereka juga merupakan peranan yang penting untuk memartabatkan kesenian kraf supaya tidak ditelan dek zaman. Kesenian kraf juga merangkumi keahlian menganyam, menempa, mengukir, menenun dan sebagainya. Dengan ini, Kraftangan Malaysia telah mengambil langkah untuk melaksanakan Skim Adiguru Kraf yang bertujuan untuk memelihara dan memulihara kesenian serta kemahiran kraf ini supaya tidak pupus dan masih boleh dikenali pada masa akan datang. Oleh itu, Adiguru Kraf telah dikenalkan pada tahun 1987 untuk melantik tukang kraf yang mahir dalam pelbagai bidang kraf seni warisan.

Sebelum dilantik untuk menjadi Adiguru Kraf, seseorang itu mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang kraf kepakarannya atau ahli di dalam seni kemahiran ketukangan, penciptaan, penggubahan produk dan pengeluaran barang kraf warisan bangsa Malaysia. Hal ini disebabkan oleh mereka merupakan tonggak utama yang diberi penghormatan untuk mengekalkan tradisi kraf dari turun-temurun sehingga ke generasi akan datang.

Oleh itu, labu sayong merupakan salah satu kraf yang terkenal pada masa ini. Labu sayong juga merupakan sejenis bekas yang diperbuat daripada tanah liat untuk dijadikan bekas dan sebagainya. Labu sayong juga merupakan bekas yang digunakan untuk menyimpan air dan air tersebut boleh diminum.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Terdapat tiga objektif yang dikenal pasti untuk melakukan penyelidikan ini:

- **Untuk mengetahui latar belakang tokoh Adiguru Kraf**

Tujuan penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengetahui latar belakang tokoh Adiguru Kraf sehingga beliau dinobatkan sebagai tokoh tersebut.

- **Untuk menemui bual tokoh tentang perusahaan labu sayong**

Ini bermaksud penyelidikan ini akan dilakukan untuk mengetahui kejayaan perusahaan labu sayong yang dilakukan oleh Encik Zulkafly bin Pandak Bedin sehingga beliau bergelar tokoh Adiguru Kraf pada tahun 2013.

- **Untuk mengenal pasti bahawa beliau pernah mengalami kejatuhan dan sebagainya.**

Hal ini bermaksud semasa beliau menjalankan perusahaan labu sayong ini, pernahkah beliau berhadapan dengan kejatuhan sehingga menyebabkan beliau berputus asa dan sebagainya.

- **Untuk mengetahui pengalaman yang pernah dihadapi sebelum bergelar tokoh**

Hal ini bermaksud adakah beliau pernah berhadapan dengan apa sahaja pengalaman yang memberikan inspirasi untuk meneruskan perusahaan labu sayong ini. Pengalaman yang dihadapi adalah sama ada manis mahupun pahit.

KAJIAN LITERATUR

KAJIAN LITERATUR

Kaedah yang digunakan untuk melakukan penyelidikan ini adalah melalui temu bual dan internet. Temu bual yang akan dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui serba sedikit tentang perusahaan labu sayong yang dijalankan oleh Encik Zulkafly bin Pandak Bedin. Seterusnya, temu bual bersama Encik Zulkafly bin Pandak Bedin juga merangkumi pengalaman manis atau pahit yang pernah dihadapi oleh beliau sebelum diberi gelaran tokoh Adiguru Kraf 2013. Selain itu, kaedah penyelidikan yang digunakan adalah melalui internet. Terdapat pelbagai maklumat mengenai Encik Zulkafly bin Pandak Bedin telah didapati di Internet. Kami telah mengenal pasti serb sedikit butiran peribadi beliau sebelum pergi untuk melakukan penyelidikan di tempat perusahaan labu sayong tersebut.

TRANSKRIP TEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum dan selamat petang. Rakaman ini telah diadakan diantara kerjasama Encik Zulkafly bin Pandak Bedin pada 2 Mei 2017 jam 4.00 petang bertempat di

bertajuk transkrip

pencapaian tokoh dalam bidang seni seramik labu sayong. Rakaman secara lisan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan subjek IMR604 yang dajar oleh Dr Azree bin Ahmad. Selain itu, tujuan rakaman ini dibuat untuk membolehkan tokoh ini berkongsi pengalaman kepada generasi akan datang. Transkrip ini dijayakan oleh pelajar yang bernama Nurul Yuhanis binti Azmi dan Nurul Idayu binti Mohd Sobry yang merupakan pelajar semester lima (5) UiTM Kedah, Kampus Sungai Petani.

Idayu mewakili Nurul Idayu binti Mohd Sobry

Anis mewakili Nurul Yuhanis binti Azmi

00:07:31

- | | |
|----------------|--|
| Idayu | : Bismillahirrahmanirrahim. Kita mulakan sesi temu bual ini pada jam 4.05 petang. Assalamualaikum Encik. |
| Encik Zulkafly | : Waalaikumussalam |
| Idayu | : Pertama sekali saya nak tau la [tahu] nama penuh encik. |
| Encik Zulkafly | : Nama saya Zulkafly bin Pandak Bedin, B-I B-E nahh Zulkafly. |
| Idayu | : Zulkafly |
| Anis | : bin Pandak Bedin |
| Encik Zulkafly | : Bedin |
| Anis | : Bedin |
| Idayu | : Encik dilahirkan di... (Encik Zulkafly menyampuk B-E-D-I-N) yahh, encik dilahirkan di mana? |
| Encik Zulkafly | : Di kampung ni [ini], Kampung Kepala Bendang |
| Anis | : Nama panggilan encik kat dekat kampung... |
| Encik Zulkafly | : Nor ja [saja]. |
| Anis | : Ooo.. Encik Nor - Encik Nor |
| Idayu | : Encik dilahirkan pada tahun berapa? |
| Encik Zulkafly | : Lapan puluh -empat puluh lapan. 11.12.48 (11 Disember 1948) |
| Anis | : 19.12 (19 Disember) |
| Encik Zulkafly | : 11.12.48 (11 Disember 1948) |

- : **11.12 (11 Disember)**
- : 48
- Idayu** : **48**
- Anis** : **Berapa umur encik sekarang?**
- Encik Zulkafly : 68
- Idayu** : **68**
- Anis** : **68. Memang encik dilahirkan di sini la?**
- Encik Zulkafly : Yaa.
- Anis** : **Menetap pon [pun] di sini la?**
- Encik Zulkafly : Memang lahir sini dan mak saya pon [pun] orang sini. Mak saya dak la orang sini tapi...
- Anis** : **Duduk kat (dekat) sini.**
- Encik Zulkafly : Saya generasi ke tiga (3) saya ni. Atuk saya dulu mak saya yang ketiga buat labu sayong ni.
- Anis** : **Memang berasal dari negeri Perak la?**
- Encik Zulkafly : Ya. Bukan negeri Perak. Berasal dari kampung ni[ini].
- Anis** : **Kampung – kampung--**
- Encik Zulkafly : Perak ni[ini]negeri jauh kan memang berasal Kampung Kepala Bendang. Dilahir di sini.
- Idayu** : **Encik kahwin tahun bila?**
- Encik Zulkafly : Saya kahwin tahun '80 [1980] tak [tidak] salah saya.
- Anis** : **Boleh kami tau [tahu] nama isteri encik nama anak-anak encik?**
- Encik Zulkafly : Yang pertama - yang pertama tu [itu] anak saya, *wife* [isteri] saya Wah binti Md Arif. Ada sijil dia sijil dia ada
- Anis** : **Wah**
- Encik Zulkafly : Wah binti Md Arif. Saya mempunyai lima (5) anak
- Anis** : **Lima (5) orang anak**
- Encik Zulkafly : Yang pertama, saya boleh beri nama ya. Yang pertama Muhammad, Ahmad Zawani, Nur Azyan, Muhammad Zawahir, Nur Fatihah. Nur Fatihah, Muhammad Zawawi. Cukup lima (5)?
- Idayu** : **Cukup**

- Encik Zulkafly : Yang tadi puan [isteri] saya yang kedua. Isteri saya meninggal tahun 2000. Tahun 2000
- Anis** : **Yang pertama?**
- Idayu** : **Meninggal tahun 2000. Yang kedua nama apa?**
- Encik Zulkafly : Yang ni [ini]. Yang ni[ini]Salmi binti Saidon
- Anis** : **Salmi binti Saidon**
- Idayu** : **Yang ni encik kahwin bila tahun bila?**
- Encik Zulkafly : Yang ni[ini]saya ingat dah [sudah] sepuluh (10) tahun ingat dah [sudah] kahwin
- Anis** : **Lebih kurang sepuluh tahun la?**
- Encik Zulkafly : Lebih kurang la. Saya pon [pun] tak [tidak] ingat. Mungkin la. Tak [tidak] berapa ingat sangat. Puan saya ni [ini], menikah dengan *girlfriend* [kawan perempuan] saya dulu. Masa sama-sama dulu. Dia kahwin dulu. Dia kahwin tahun '79 (1979).
- Anis** : **Aktiviti yang encik suka buat time |masa| waktu lapang memang buat labu sayong la ka |atau| mungkin ada--**
- Encik Zulkafly : Sekarang ni[ini]lepas lebih kurang empat (4) ja [saja] sehari ja [saja] 3 jam 4 jam 3 jam 4 jam dalam 3 jam 4 jam.
- Anis** : **Oh. Takda |tidak ada| la. Kot |mungkin| la ada aktiviti lain ka |atau| apa selain buat labu?**
- Encik Zulkafly : Saya ni[ini]pagi-pagi saya suka berjalan. Ronda-
- Anis** : **Ronda-ronda**
- Encik Zulkafly : Ronda-ronda. Saya tak da [tak ada] suka buat labu ni[ini]lebih banyak buat labu la kan. Kalau *you* [awak] duit banyak *you*[awak]rajin makna *you* [awak]senang la bukan la *you* [awak]*you* [awak] rajin *you* [awak] kaya tidak. Kalau nak senang *you* [awak]kena rajin. Itu ja nasihat nya dan buat saya kesihatan saya. Kesihatan saya makna nya saya suka berjalan pagi pagi, pagi lepas minum air suam satu gelas saya berjalan dulu berjalan dan balik rumah pastu [lepas itu] saya --- dan balik buat kerja sampai pukul 12 saya berhenti pastu [lepas itu] lepas berhenti saya masak masak ka [atau] apa saya beli lauk lauk pastu [lepas itu] lepas sembahyang zuhur saya sambung kerja

- balik sampai pukul lima (5) selepas asar saya *stop* [berhenti] la. Saya cuma bengkel di rumah ja [saja] senang jadi bila malam saya nak mengu labu ka [atau] senang tak da [tidak ada] kaco [kacau]. Saya tak da [tidak ada] bengkel jauh di rumoh [rumah]
- Anis**
- Encik Zulkafly
- : **Ni[ini] bengkel depan ni[ini]?**
- : Bukan ni[ini]bengkel ni[ini]di dapor [dapur] bengkel saya di belakang ni [ini] je [saja].
- Anis**
- Encik Zulkafly
- : **Oh belakang ni (saja).**
- : Saya suka apa kalau bengkel dekat rumoh [rumah] makna awak akan bila bila masa boleh --- Cuma semayang tinggal la pukul 9, 10 nak [mahu] rasa nak [mahu]buat, buat. Malam biasanya saya kurang buat la. Saya, bukan saya kaya tapi malam saya lepas maghrib tu [itu] isyak --- saya minum minum makan makan malam pastu balik tu [itu] je [saja] pasai [pasal] rumah saya dua (2) orang ja tiga (3) orang ada anak sorang [seorang] kadang [orang] rumah tak da [tidak ada]) Cuma ada dua (2) ja. Sorang [seorang] ada anak --- balik cuti sorang anak angkat anak abang saya sorang [seorang] pompuan [perempuan] itu je [saja] saya tak [tidak] sembang berdua je [saja] makna tu [itu] la --- Rutin harian saya baru lagi RTM buat saya itu hari dalam bulan lepas *you* [awak] tengok dak [tidak] dia nak keluar bulan empat (4) ni [ini] tajuk dia Seni Di Jari tajuk dia TV1 dia buat dua (2) hari sini dia tengok aktiviti saya kan. Saya orang kata pagi pagi lepas subuh saya berjalan la 4 5 kilometer --- pastu [lepas itu] balik rumah saya pergi minum di kedai --- saya buat kerja buat kerja biasa la sampai rutin petang lepas isyak saya tengok kakak saya pergi jadi karaoke la suka hati la biasanya tak [tidak] buat labu dah kurang la amat kurang la saya suka tu [itu] la. Rutin hari hari la hari hari
- Anis**
- Encik Zulkafly
- : **Boleh encik cerita pendidikan awal encik?**
- : Saya belajar darjah enam (6) melayu je [saja]. Darjah darjah enam (6) je [saja]. Tapi dalam darjah 6 saya dalam tahun '75 (1975) salah saya perbadanan bukan Perbadanan Kraftangan

Malaysia dia adakan latihan latihan selama dua tahun setengah bahagian seramik saya belajar bidang seramik dulu dua tahun setengah bidang itu dulu buat macam tu (menunjukkan sesuatu) saya buat pasu --- besar [besar]. Bidang itu saya belajar [belajar] dulu. Saya belajar [belajar] tu [itu] dulu dua tahun setengah lepastu [lepas itu] naik *you* [awak] tengok dalam sijil ni ada sijil saya sijil saya ni dua (2) tahun setengah habis pertengahan '77 (1977). '77 (1977) saya kerja kurang dalam 25 27 25 saya dapat tawaran kerja tawaran kerja pastu tu [itu] la haa ni dia sijil saya --- (menunjukkan sijil beliau). Ni [ini] yang termahal ni [ini] dia watikah ni [ini] ---. Orang rumah saya dulu pon [pun] bekas pelatih jugak. Ramai juga bekas pelatih sambil sambil belaka saya tidak menggalakkan awak la kalau bukan pelatih kahwin dengan apa ada yang kita latihan kita meneruskan perjuangan. Saya *start* [mula] belajar [belajar] 22 lepas belajar [belajar] saya jadi tukang kebun selama dua (2) tahun setengah masa itu jambatan Iskandar pastu [lepas itu] dalam tu [itu] kita dapat tempat kecil dapat pindah ke depan Sala Batu kilometer 40 depan tamin kicap atas tu [itu]. Situ saya pindah tahun tu '80 (1980), '80 (1980) di apa di adakan latihan latihan tiga (3) bidang masa tu [itu] tembikar, batik, tekat saya mana bidang tu [itu] saya tembikar la diorang [mereka] melatih saya selama lebih kurang lima belas tahun *start* [mula] '80 (1980) '95 (1995) saya habis. Habis tu [itu] pulak tak [tidak] tak [tidak] tak [tidak] apa tak [tidak] ngambil [mengambil] tak [tidak] mengambil pelatih dah itu ada pelatih sambilan ada la dalam tiga (3) bulan ada budak budak antara 2-6 bulan tu [itu] ada tapi saya serapkan masuk dalam geng makmal. Saya dalam makmal tu [itu] kajian tanah --- situ situ bagus jugak [juga] sebab kita buat kajian kajian tanah ni [ini] okay la amat baguih [bagus] la kita tahu apa tanah ni [ini] tanah ini kandalam latihan dulu masa pelatih dulu susah nak dapat pengajian macam *you* [awak] dapat orang punya ni [ini] ni [ini] nak [mahu] kerja

ni[ini] tanah tu [itu] buat macam tu [itu] tapi kita dalam masuk dalam bidang itu makna kita sendiri buat buat apa buat kajian buat semua buat la.

Anis

Encik Zulkafly

: **Lepas encik tamat sekolah apa yang encik lakukan?**

: Lepas tamat sekolah. Kerja kampung la kampung motong [toreh] getah la sampai terpaksa kampung kampung ja (saja) orang kampung kerjo [kerja] bijih la sampai tahun '77 (1977) '75 (1975) kraftangan dah dihidupkan bukan kraftangan perbadanan bukan perbadanan dia Lembaga Kraftangan saya lembaga dulu lembaga pastu dia bawak *under* [bawah] MARA bukan bukan apa dia dia *under* [bawah]*under* [bawah] MARA dibawah MARA lepas MARA pastu [lepas itu] di dah lama berapa tahun dia bawah Mahathir pegang pembangunan sekarang ni [ini] baru sekarang ni [ini] baru di bawah Kementerian Perlancongan sekarang ni [ini]. Dia dah dua tiga tukar la sekarang di bawah perlancongan bawah Dato Nazri noh.

Anis

Encik Zulkafly

: **Lepas tamat sekolah adakah encik pernah ditawarkan untuk belajar lebih tinggi kah?**

: Dia yang macam mana lepas sekolah? Lepas belajar [belajar] lepas belajar [belajar] situ? Tak [tidak] tak da [tidak ada] saya kerja ni [ini] memang susah dapat tawaran mana mana bekas pelatih ada bekas pelatih dalam deme [mereka] ni [ini] tawaran pi [pergi] Jepun itu ada tawaran apa ni [ini] belajar [belajar] belajar [belajar] di apa ni [ini] di di hantar tempat seramik contoh dalam Malaysia ni [ini] ada di di apa di Puchong ada di apa apa di - Ipoh apa Ipoh di apa di Machang kraf apa ni [ini] Johor Johor Johor hantar la kita hantar deme [mereka] --- pendek tiga (3) bulan kita hantar pegi [pergi] la hantar mana ada bakat seramik kita hantor [hantar] deme [mereka] bidang seramik hantar situ hah belajar [belajar] di kilang elau kita bagi la kita hantar elau deme [mereka] bila cukup bulan kita pergi hantar elau deme [mereka]. Deme [mereka] kilang tu [itu] mungkin tak [tidak] bagi makan belanja yang ada kita hantar

makna kita kita kena bagi deme [mereka] --- kita sebulan tu [itu] kita pergi tempat deme [mereka] bagi sama sama. Biasa la macam tu [itu] la tu biasa la tu dak [tidak]? Makna pendedahan la untuk deme yang belajor [belajar] pendedahan masa ada yang masa itu ada yang tawaran minta latihan ke Jepun pon [pun] ada latihan Jepun ada banyak yang ada dua (2) tiga (3) orang ke Jepun di sana macam Jepun saya rasa deme [mereka] ada bidang itu ada bidang juga dalam bidang Jepun lagi canggih kan *you* [awak] tahu la macam Jepun ni lebih canggih la deme [mereka]-- - kita punya kita seramik ni cakap besor [besar] saya tak [tidak] boleh seramik ni [ini] kita ni [ini] kurang seramik Jepun, Korea, China lebih cepat lebih maju kita ni [ini] belajor [belajar] kita hanya kata labu sayong trakota tu [itu] kemungkinan kita punya hak boleh buat labu sayong kalau bab buat macam tu [itu] bukan kita punya kita dah meniru orang sebab China dulu --- Jepun deme [mereka] lagi lagi lebih apa lebih lama lebih pandai lagi bagus teknologi deme [mereka] lagi canggih dari kita kita mana mana nak canggih deme [mereka] lebih canggih semua pake [pakai] apa pake [pakai] mata obor pake [pakai] mesin kasut lagi senang *spray blazing* [menjulang semburan] pon [pun] tidak menggunakan mesin troott (membuat gaya) pernah saya pergi ke budak budak pelatih macam saya pergi ke apa Negeri Sembilan apa hujung Negeri Sembilan ada kraf bahagian tar en tar macam mana tar tu dia dia dia serbuk tu [itu] dia pukul sampai berapa tan dia pegang serbuk tu [itu] dengan kuat kita pergi budak budak laki tengok la tengok macam ni deme [mereka] setengah tu [itu] habis pada habis latihan deme [mereka] tu deme [mereka] kerja bahagian seramik amat senang maknanya deme [mereka] dah ada asas asas asas tahun --- okay contohnya saya bagi 2014 saya ada di Kolumpo [Kuala Lumpur]]saya memang saya bukan ingat pelatih ni [ini] kau [awak] nama budak mana tak [tidak] boleh ingat *sorry* [maaf] bukan saya sompong pompuan [perempuan] pon [pun] satu hal ada kita

tak[tidak] ingat yang Johor yang saya pergi 2014 tu [itu] saya balik 2014 saya ada apa hari kebangsaan tu [itu] saya pergi saya jumpa budak kat [dekat] sana deme (mereka) dia belajo [belajar] dia keje (kerja) bahagian ni [ini] seramik --- saya nak [mahu] telefon budak budak saya --- daripada Negeri Sembilan turun mai [datang] minggu depan minggu depan kami turun ramai ramai jumpa saya balik yang baru kerja --- acuan je [saja] dia buat jari jari sarung kan baguih [bagus] la kamu asas dulu ada belajo [belajar] kita jadi budak balik kita jadi budak cikgu jadi budak balik buat apa deme [mereka] jumpa saya --- jadi budak balik la apa deme [mereka] belajo [belajar] makna deme [mereka] jalankan tugas deme [mereka] makna deme [mereka] bagi bahagian tu [itu] kerana asas dah (sudah) ada pastu (lepas itu) suruh buat acuan buat model deme [mereka] asas kita belajo [belajar] dia minta kilang itu “kamu bahagian acuan buat” dia dah [sudah] tahu asas dah [sudah] bila asas tahu dia tak[tidak] teruk sangat makna *you* [awak] senang lah *you* [awak] buat pembakaran *you* [awak] tak (tidak) kisah sebab *you* [awak] dah tahu belajo [belajar] saya dulu macam tu [itu] belajo [belajar] dulu sampe [sampai] belajo [belajar] amat amat amat dulu memang sekarang dapat lumayan la apa saya belajo [belajar] tak da [tidak ada] rugi saya belajo [belajar] masa dulu amat teruk panas panas dalam dapur bukan dapur sekarang dulu batu bata sangat teruk panas panas 150 150 termasuk la --- angkat tong dram tu [itu] 45 litter tong dram angkat --- tapi tak da [tidak ada] la kesal belajo [belajar] kan dalam belajo [belajar] tapi kita dah [sudah] kerja dah penceñ baru nampak kita lumayan nampak lumayan masa belajo [belajar] tu [itu] kita belajo [belajar] kerja sambil belajo [belajar] sambil kerja malam kita kerja kerajaan sambil belajo [belajar] cari pengalaman kita rasa apa penceñ mana pergi kita tahu dah [sudah] aras tuju hidup kita dah [sudah] kita penceñ kita penceñ mesti ada orang ajak kita eh “Cik Nor kerja macam ni [ini] macam ni [ini]”. Sebab apa saya

berhijroh [berhijrah], saya dah [sudah] kerja dah [sudah] dah [sudah] pencen kita ada matlamat kita makna kita balik kampung dah [sudah] pencen kita buat kerja macam ni [ini] masa saya kerja dulu pun saya balik kampung saya buat kerja sendiri tapi tak da [tidak ada] la mencabar sangat kan. Arwah bini saya dulu memang saya ada *showroom* [bilik pertunjukan] depan ni [ini] saya buat *showroom* [bilik pertunjukan] depan ni [ini] tempat lama ni [ini] *showroom* [bilik pertunjukan] depan saya buat *showroom* [bilik pertunjukan] lebih kurang la. Lepas ni [lepas ini] bila saya dah [sudah] berenti [berhenti] itu la kamu rajin kamu senang saya prinsip tu [itu] kamu rajin kamu senang la. Jangan mencuri orang mencuri pun senang kan dia rajin tapi kita bukan rezeki yang halal kau [kamu] rajin kau [kamu] senang itu prinsip saya pegang siapa rajin dia senang.

Anis

- : **Masa encik sekolah dulu, bergiat aktif dalam bidang kokurikulum?**

Encik Zulkafly

- : Saya tak da [tidak ada] aktif sangat suka suka la main main bola, *handball* [bola baling] gitu je [saja]. Masa tu [itu] tak [tidak] la macam dulu saya dulu bisnes sekolah rendah darjah empat (4) ja [saja] lepas tu [itu] saya keluar (keluar) di apa keluar [keluar] di diluar [diluar] sekolah darjah lima (5) darjah enam (6) sampai atas dulu darjah empat (4) sini. Keluar baru saya jumpa cikgu saya baru ni [ini]. Lapan puluh apa lapan puluh dua senangnya saya jumpa cikgu saya balik lapan puluh dua umur dia laki [lelaki] meninggal dah [sudah] guru pompuan [perempuan] seronok saya. Saya ada nombor dia lapan puluh dua lapan puluh dua cikgu “saya lapan puluh dah nor” dia kata. Terkejut saya. Banyak cikgu saya tu [itu] tinge [tinggal] sorang [seorang] lagi. Saya umur dah [sudah] enam puluh lebih *you* [awak] kira enam puluh lebih enam puluh lapan mungkin cikgu saya dua puluh lebih tahun atas setel [selesai]. Enam puluh lapan puluh dua lapan puluh empat umur cikgu tu [itu] sorang tinggei [tinggal].

Anis

- : **Sukan yang paling encik gemar masa zaman sekolah dulu?**

Sukan yang encik paling suka main la.

Encik Zulkafly

- : Takda [tidak ada] la main sangat tapi masa saya dalam sekolah suka main bola la lepas tu [itu] bila dah [sudah] kerja saya tak [tidak] gaduh main banyak saya main - main dart, main apa dart main carom itu aktiviti biasa la tengah hari petang petang saya rehat buat itu la main tu [itu] itu masa kerja la masa kami dulu kerja ada sukan tahunan tahunan sekali setahun sekali ada sukan. Masa tu [itu] senang hari ni [ini] tahun ni [ini] dikatakan gi [pergi] Kelantan tahun depan di Negeri Sembilan tahun satu lagi di Johor sampai Sabah Sarawak. Sarawak pon [pun] ada --- tahun ni [ini] di Sarawak gitu [begitu] la iktiraf makna sukan bawah jabatan la tapi sekarang ni [ini] dah tak [tidak] ada dah mungkin kerajaan dah [sudah] takda (tidak ada) duit ke [atau] tak [tidak] tak [tidak] menggalakkan ya mestilah tiga minggu dua minggu cuti tanpa rekod kan macam tu [itu] mungkin tak [tidak] benor [benar] la macam tu

Anis

- : **So |jadi| sebelum encik menceburi perusahaan labu sayong ni |ini| encik pernah pernah kerja dalam apa apa bidang?**

Encik Zulkafly

- : Saya salah seorangnya aktiviti RELA saya aktif dengan RELA. RELA aktif selama tiga puluh tujuh dah [sudah] tiga puluh tujuh tiga puluh lapan --- mungkin tiga puluh tujuh tahun tiga puluh lapan tahun saya anggota RELA. *Start* [mula] saya dalam tahun saya dah [sudah] berkerja saya dapat dia tengoklah ada masa la tapi yang masa yang teruk tu [itu] tahun 2000 lebih saya aktif betoi [betul] sabtu ahad sabtu ahad dengan labu ni [ini] saya buat sampingan la sekarang menumpu 100 percent saya dah [sudah] pencen bila saya dah [sudah] pencen saya tumpukan. Sampai pencen jugak [juga] saya masa tak [tidak] aktif dulu saya pertama memang saya aktif sampai saya makin kurang dapat 1000 lebih masa tahun 80 90an macam tu [itu] 1000 lebih tu [itu] memang kuat la. Anak pon [pun] apa anak ramai yang sekolah kan masa tu [itu] takda [tidak ada] nak [mahu] simpan duit sangat asal belanja senang okay. Tidak putus duit la duit

tu[itu] ada. Kita ingat susah tidak orang boleh tolong walau adik beradik ada kadang tak [tidak] suka berdikari la hidup. Jadi sekarang ni [ini] bila saya dah [sudah] penced Alhamdulillah Alhamdulillah takda [tidak ada] masalah lah.

Anis

- : **Apakah jawatan encik dulu dalam Perbadanan Kraftangan Malaysia?**

Encik Zulkafly

- : Saya juruteknikal. Budak budak kan. Dulu pengusaha, pengusaha tu [itu] lepas tu [itu] dia pengusaha tu [itu] dah [sudah] berapa tahun saya tak [tidak] ingat lepas tu [lepas itu] kumpulan C tak (tidak) salah saya kumpulan D pastu [lepas itu] saya ada ada tawaran dari atas saya naik atas kumpulan C pulak. Saya gaji masa saya nak [mahu] penced gaji RM400 nak [mahu] skim bagi habis mati gaji dia saya penced dah [sudah] lagi RM400 skim saya berapa tahun dah [sudah] nak [mahu] habis RM400 saya dah [sudah] habis penced yang itu ja [saja].

Idayu

- : **Apa skop jawatan encik dalam Juru apa Juruteknikal?**

Encik Zulkafly

- : Saya lupa tak [tidak] salah saya dah [sudah] ketika tu [itu]. Saya dalam tu [itu] saya ada dalam saya jawatan tu [itu] saya ada seorang pembantu pembantu saya.

Idayu

- : **Sekarang ni [ini] memang fokus, selepas bersara memang fokus dekat labu sayong ja [saja] la kan?**

Encik Zulkafly

- : Kata silap 100 percent susah juga kan tapi mata pencarian memang labu sayong pastu [lepas itu] bila saya kita dah [sudah] udah [sudah] balik kampung macam ni [ini] udah [sudah] bersara makna jawatan sejut [masjid] saya pegang masjid saya pegang bos pon [pun] saya pegang makna aktiviti lain ada la. Saya ajk masjid lepas tu [itu] dulu ajk kampung lepas tu [itu] takda (tidak ada)--- lepas tu [itu] sijil bertahun la ada *you [awak]**rajin you [awak]*bahagian apa tanah wakaf saya pegang memang saya kena buat aktiviti la tiga bulan lima bulan sekali saya buat gotong royong saya jarang racun saya suka kurang racun saya suka kemasyarakatan di mana kita gotong royong ni [ini] makna makna hubungan kita kuat kalau racun macam tak

da [tidak ada] dua orang punya kerojo [kerja] gotong royong ni [ini] sampai sepuluh orang lima puluh orang di mana macam kata kuat akrab misal kata itu saya punya itu kalau ikut saya la saya pegang jawatan tu [itu] kamu bahagian apa tanah wakaf tu [itu] saya merancang la saya tak (tidak) suka racun tanah kubur saya suka mesin buat la dia *adventure* [mencabar] la

Anis

- : **So [jadi] boleh kah encik terangkan serba sedikit sejarah lah mengenai tembikar di Malaysia**

Encik Zulkafly

- : Labu sayong ni [ini] saya tidak tidak tepat sangat saya setahu saya nyang saya dulu memang buat apa nyang saya dulu India dia buat buat apa buat tempayan dulu. Pastu [lepas itu] dah [sudah] moden serba sikit baru la buat labu sayong. Labu sayong ni pon [pun] kalau ikut labu sayong ni [ini] kemungkinan daripada Indonesia ke China pon China ni pon [pun] ada gak ada labu jugak periuk labu dak [tidak]? Mungkin daripada situ tiruan dia kemungkinan kita dulu orang kampung pakai di apa di bendang sawah padi kemungkinan labu itu di buat di apa di bendang sawah padi saya ada arwah mak saya dulu memang la buat bendang sebijik mesti di letak di simpan di apa di letak di dangau minum tengah hari memang sedap air nya memang sedap

Anis

- : **Dia rasa lain air dia? Bila air duduk dalam labu sayong dia rasa?**

Encik Zulkafly

- : Dak [tidak] dia tiga (3) empat (4) hari dia lain rasa sikit. Dia rasa lain dia dalam dua (2) hari kita minum. Saya macam macam ni [ini] saya minum dalam ni [ini] ada empat (4) hari dah [sudah] ada air, air kita minum nak [mahu] rasa boleh tapi yang empat (4) hari lepas

Idayu

- : **Apa khasiat dia kalau kita buh [letak] dalam labu sayong?**

Encik Zulkafly

- : Bukan saya tahu yang labu sayong ni [ini] penawar. *You* [awak]boleh tahu dak [tidak] salah silah tanah kita manusia dijadikan daripada daripada apa? *You* [awak]ingat sejarah kita tanah Nabi Adam di jadi daripada tanah tak [tidak] tahu tanah

macam mana tapi Tuhan Maha Kuasa tahu tanah Tuhan kata manusia di jadi daripada tanah. Tanah macam mana kita jangan tanya Tuhan punya kuasa tanah itu adalah penawar tanah itu boleh menjadi racun ubatnya ialah tanah makna tanah itulah kalau apa misal kata tanah bila kamu rasa rasa tak [tidak] sihat badan panas minum air labu dari tanah sebab saya amalan saya itu saya bukan kata la amalan labu sayong saya cakap la pergi mana orang rumah saya orang tempat sini tapi dia pergi mana mana ni [ini] dia orang Pahang katung kan memang saya labu sayong tu [itu] saya bubuh [letak] dalam kereta belakang ikat masa saya renti [berhenti] tak [tidak] ingat saya memang saya ikat labu sayong tu [itu] dalam kereta saya memang saya suka minum dia sebab labu sayong ni [ini] bukan sejuk macam ais tidak sejuk tanah lain sejuk botol ais kalau ais boleh minum segelas je [saja] habis kuat segelas ja labu sayong hang [kamu] boleh dua gelas mana kamu endak [hendak]? Mestilah dua gelas. Satu dia tidak ada tidak ada orang kata buat kajian baru bulan lepas SIRIM kan SIRIM datang sendiri kami kata buat terus buat dua tahun lepas tiga tahun lepas dah [sudah] dia buat terus buat kajian tanah ni [ini] tak dak apa [tidak ada]. Air tanah ni [ini] apa air tanah ni [ini] tak dak [tidak ada] apa le [la] tanah takde [tidak ada] campuran apa apa tapi satu labu sayong saya baru ceramah 2014, 2014 sebelum awal tahun saya di jemput di Ipoh, Angsana Greentown di--saya buat sepuluh hari sana saya jual lepas tu [itu] saya buat ceramah tentang labu sayong saya buat daripada senja retu [hari itu] dalam pukul ada petang datang dua tiga orang selalu datang nak [mahu] buat petang minta maaf saya kata kita buat lepas Isya lapan lebih datang la. Datang la datang Cina datang yang ada bawa labu berpuluhan tahun ada Melayu bawak labu saya macam ni [ini] la yang contoh sebelum ni [ini] ceramah tentang tanya sebab labu air banyak tanya labu air ni [ini] rasa ini labu ni [ini] labu ni [ini] saya hurai satu persatu macam mana labu air saya kata macam

ni [ini] dia kata air masak tu [itu] buh [letak] kita minum taruh [simpan] semalam tak [tidak] boleh labu air nak [mahu] minum jangan sekali sekali air masak. Jangan sekali air masak *you* [awak]nak [mahu] minum air tu [itu] tapis kalau nak [mahu] minum air dalam botol mineral letak buh [letak] air yang tapis la macam tu [itu]*you* [awak]rasa dia kata saya minum air tu [itu] ada bau minyak itu salah itu pembakaran menyebabkan minyak dia tak [tidak] boleh dia tak [tidak] boleh menggunakan apa dapur letrik [elektrik] boleh dapur gas boleh dapur diesel mesti body dia mesti berminyak diesel. Saya kena hurai satu persatu saya hurai semua sampai paham *you* [awak] cuba saya kata “esok *you* [awak]buat malam ni [ini] esok jumpa saya sini esok saya akan tunggu sini” saya senang jawab pasaipa [kenapa] saya sebelum buat tu [itu] saya ujian dulu saya buat teknik picit. Teknik picit ni [ini] banyak ini berapa picit boleh sampai per sambungan kalau kata enam per sambungan enam tujuh sambungan sebijik [sebiji] labu. Diorang [mereka] kata buat labu daripada bawah *no* (tidak) buat labu daripada pinggang picit sampai ke leher kita dah [sudah] keras kan kerat balik terbalik kan makna pada daripada pinggang ke leher yang pertama ingat pinggang ke leher bila kita kerat balik pinggang balik yang ke mancung makna kena itu balik macam itu dia kata deme [mereka] ingat daripada kaki terus mana boleh rebah [jatuh] la berat la mana sambung dia teknik sambung ni [ini] kena paham kalau lembut orang bawah atas keras akan turun jatuh deme [mereka] setengah dak [tidak] faham deme [mereka] tahu cakap kita buat la macam itu deme [mereka] kata.

Anis

Encik Zulkafly

: **Seterusnya apakah jenis-jenis tembikar yang encik tahu?**

: Saya? Di sini yang kita lama di rumah saya Labu Tela, Labu Pala. Labu Tela dia lain sikit bentuk nya labu Tela T-E-L-A. Labu Tela, Labu apa labu tela labu kepala tapi badan dia kecil pastu [lepas itu] tambah lagi Labu Gelugor, labu banyak la Labu Gelugor, Labu Lepap, Labu Panai macam macam labu la ada.

| ORAL HISTORY: LABU SAYONG

Saya ingat saya buat baru ni [ini] berapa labu bentuk empat bentuk enam bentuk saya buat enam bentuk labu

Idayu

Encik Zulkafly

: **Kiranya bentuk dia memang berbeza la setiap labu?**

: Lain lain beza beza la. Satu bentuk macam ni [ini] Labu Gelugor dia ada gelugor dia licin licin dia ikut ikut ikut apa ikut bentuk la Labu Lepap dia tidak ada apa ni [ini] ada kaki dia lepas macam biasa pastu [lepas itu] labu apa Labu Pucung labu apa Labu Belalai Gajah la macam macam. Belalai gajah dia macam belalai gajah la itu biasa

Anis

Encik Zulkafly

: **So [jadi] corak yang biasa encik buat dekat labu sayong ni [ini]?**

: Corak dia? Corak dia kita banyak alam bunga la daun daun corak itu biasa biasa. Tapi saya tahun ni [ini] dalam dua tiga tahun ni [ini] dua tahun ni [ini] saya sudah ubah suai saya pakai *carving* [ukiran] banyak aktiviti saya *carving* [ukiran] pakai *carving* [ukiran] kadang dia stamping kurang pasai [pasal] saya minta *carving* [ukiran]

Anis

Encik Zulkafly

: **Peralatan yang encik selalu guna untuk buat labu sayong?**

: Peralatan tu [itu] banyak kalau tengok labu sayong dia tiga jenis ja [saja]. Peralatan dia cuma ada apa peralatan dia pengepit, sudip itu la peralatan dia pinggan tak [tidak] banyak dia peralatan labu sayong ni [ini] *stamping* [tekap] dia tak [tidak] banyak peralatan sekarang ni [ini] pon [pun] tak [tidak] banyak peralatan. Dia buat stamping hiasan tak [tidak] banyak tak da [tidak ada] hiasan cuma cuma bentuk ja [saja] tapi dia hiasan memang tak [tidak] banyak hiasan ni [ini] orang kata bunga ni [ini] pakai kita la ada yang bunga cerai daun ada cara bunga macam macam la bunga ini dia macam tradisional punya misal kata keruang, bunga cengkih lagi bunga tampok manggis dia dia itu itu dulu punya apa dulu dulu punya-- ni [ini] sebab saya bukan kata bunga ni [ini] labu sayong bentuk tu [itu] banyak tapi saya suka pergi muzium kan pergi muzium mana mana muzium saya pergi cari bentuk tak da [tidak ada] banyak walau

| ORAL HISTORY: LABU SAYONG

